

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**  
**PEPERIKSAAN PERINTAH-PERINTAH AM 1961 DAN**  
**PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (GO)**  
**JUN 2017**

**Arahan kepada calon-calon:**

1. Sila tulis bilangan index dan nombor kad pengenalan pintar awda sahaja pada kotak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi tiga (3) bahagian:  
Bahagian A : 30 Soalan Objektif  
Bahagian B : 10 Soalan Esei Pendek  
Bahagian C : 3 Soalan Esei Panjang
3. Sila Jawab :  
Bahagian A : Semua Soalan  
Bahagian B : 7 Soalan sahaja  
Bahagian C : 2 Soalan sahaja
4. Sila mulakan jawapan bagi setiap soalan pada tiap lembaran baru kertas jawapan.
5. Jawapan yang ditulis hendaklah jelas dan mudah dibaca.
6. Semua Jawapan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu.

**\*\*\*\* SEMOGA BERJAYA \*\*\*\***

---

**BAHAGIAN A: SOALAN OBJEKTIF**

1. Siapa Penguasa Tatatertib bagi pegawai dan kakitangan dalam perkhidmatan Gaji Hari ?
  - a. Setiausaha Tetap
  - b. Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
  - c. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
  - d. Ketua Jabatan
  
2. Dengan merujuk kepada Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Lantikan dan Kenaikan-Kenaikan Pangkat) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Penggali 83), ada tiga kaedah pengiklanan jawatan kosong. Salah satu kaedahnya adalah pengiklanan menurut Bab 38 (a). Apakah yang dimaksudkan dengan pengiklanan dibawah bab ini?
  - a. Pengiklanan dibukakan kepada orang ramai termasuk pegawai/kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan
  - b. Pengiklanan dibukakan kepada pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat didalam Kementerian dan Jabatan Kerajaan itu
  - c. Pengiklanan dibukakan kepada pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian dan Jabatan Kerajaan
  - d. Pengiklanan dibukakan kepada orang ramai yang berkhidmat di sektor swasta sahaja
  
3. Siapakah yang boleh memberi kebenaran Cuti Tanpa Catat?
  - a. Ketua Jabatan
  - b. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
  - c. Jurukira Agung
  - d. Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
  
4. Sesuatu jawatan kosong untuk di "Trade off" bagi maksud mengadakan gelaran jawatan yang sudah ada di Perkhidmatan Awam hendaklah dihadapkan melalui Setiausaha Tetap kepada pihak yang berkuasa mempertimbangkan. Siapakah yang dimaksudkan dengan pihak berkuasa itu ?
  - a. Jabatan Perkhidmatan Awam
  - b. Jabatan Perdana Menteri
  - c. Jabatan Perbendaharaan
  - d. Kementerian Kewangan
  
5. Berapakah kadar gaji sehari yang diberikan kepada kakitangan bergaji hari bagi yang berkelulusan Ijazah Lulus?
  - a. \$ 140.00
  - b. \$ 127.70
  - c. \$ 111.30
  - d. \$ 90.45

6. Ketua Jabatan adalah dikehendaki untuk memerhatikan bahawa jika seorang pegawai/kakitangan telah sakit beberapa lama, maka adalah kewajipan Ketua Jabatan mengambil tindakan :
  - a. mengarahkan pegawai/kakitangan tersebut untuk mendapatkan Cuti Sakit
  - b. mengadukan perkara ini kepada Setiausaha Tetap Kementerian berkenaan berserta sekeping kertas Medical Board
  - c. mengarahkan pegawai/kakitangan tersebut untuk mengambil cuti tahunan
  - d. mengarahkan pegawai/kakitangan tersebut untuk mengambil cuti tidak bergaji
  
7. Seorang pegawai yang menjalankan tugas rasmi di negara berhawa sejuk boleh dipertimbangkan menerima elaun pakaian seperti berikut :
  - a. Setiap 2 tahun sekali dengan kadar \$1500
  - b. Setiap 3 tahun sekali dengan kadar \$1500
  - c. Setiap 3 tahun sekali dengan kadar \$500
  - d. Setiap 4 tahun sekali dengan kadar \$500
  
8. Elaun sara hidup bagi kakitangan Bahagian IV adalah :
  - a. \$200
  - b. \$180
  - c. \$170
  - d. \$150
  
9. Penguasa Tatatertib bagi kakitangan Bahagian V adalah :
  - a. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
  - b. Setiausaha Tetap
  - c. Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
  - d. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
  
10. Apakah tindakan jika Pegawai/Kakitangan yang dijemput gagal menghadiri majlis-majlis rasmi negara tiga kali atau lebih.
  - a. Teguran dan peringatan secara lisan
  - b. Teguran dan peringatan keras secara bertulis atau dicatat dalam rekod perkhidmatan
  - c. Tahap prestasi diturunkan setingkat
  - d. Tidak akan dijemput lagi ke majlis-majlis rasmi negara
  
11. Berapakah kelayakan cuti tahunan bagi kakitangan Bahagian IV dalam perkhidmatan tetap yang berumur 40 tahun dan ke atas :
  - a. 30 hari
  - b. 24 hari
  - c. 27 hari
  - d. 22 hari

12. Peperiksaan Peraturan-Peraturan Am (GO) dan Peraturan Kewangan (FR) dimandatorikan lulus bagi pegawai-pegawai berikut kecuali :
- Pegawai Kakitangan di Jabatan Perkhidmatan Awam
  - Pegawai Kewangan
  - Juruaudit
  - Jurutera
13. Elaun Kurnia Khas tidak akan dihulurkan kepada Pegawai/Kakitangan dalam Bahagian II dibawah yang berjawatan :
- Tetap
  - Sebulan Ke Sebulan
  - Kontrak
  - Open Vote
14. Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam diadakan bagi memberi pengiktirafan kepada pegawai/kakitangan perkhidmatan awam yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang. Pegawai dalam Bahagian manakah yang tidak termasuk dalam anugerah ini ?
- Bahagian I
  - Bahagian II
  - Bahagian III
  - Bahagian IV & V
15. Kebenaran memangku akan diberikan oleh pihak-pihak tertentu mengikut taraf jawatan dan tempoh memangku. Pihak manakah yang memberi kebenaran bagi jawatan yang dipangku melebihi 180 hari atau bagi menilai kebolehan dan kesesuaian seorang pegawai untuk ditetapkan (substantive acting) dalam jawatan yang dipangkunya?
- Menteri
  - Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
  - Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
  - Ketua Jabatan
16. Tempoh keseluruhan cuti sakit yang dikeluarkan oleh klinik swasta tidak melebihi dari :
- 4 hari berturut-turut
  - 3 hari berturut-turut
  - 2 hari berturut-turut
  - 1 hari sahaja
17. Tatacara perhubungan persuratan diantara Setiausaha Tetap dengan Jabatan yang dalam kementeriannya ialah :
- Memorandum
  - Minit
  - Bersurat
  - E-mel

18. Skim Perkhidmatan juga memuatkan maklumat terperinci mengenai :
- Struktur organisasi (Organisation Structure)
  - Perkembangan latihan jawatan tersebut (Training Development)
  - Rancangan Penggantian jawatan tersebut (Succession Planning)
  - Perkembangan jawatan tersebut (Career Development)
19. Tempoh pembayaran Manfaat Keberterusan (Survivorship Benefit) dari tarikh ahli Skim SCP meninggal dunia ialah :
- Seumur hidup
  - 20 tahun
  - 15 tahun
  - 10 tahun
20. "Pekerja didalam Perkhidmatan Awam harus mempunyai sifat-sifat ini, iaitu didalam erti kata lain mempunyai daya ketahanan hati yang kuat dalam menghadapi sebarang tekanan, cekal dan berhemah tinggi dalam memberikan perkhidmatan." Ciri Rukun Akhlak dan Etika Kerja yang dimaksudkan ialah :
- Beriltizam, keterbukaan dan akauntabiliti mengukuh keberkesanan
  - Titih , lutan dan menghargai masa asas kejayaan
  - Berilmu, kreatif dan inovatif asas kebaktian
  - Sabar, tabah dan bersopan santun amalan terpuji
21. Salah satu terma Program Peminjaman pegawai dari Sektor Kerajaan ke Sektor Swasta ialah bayaran surcaj akan dikenakan kepada organisasi peminjam tersebut dan dibayarkan kepada Perbendaharaan Kerajaan. Berapakan kadar surcaj sebulan yang dimaksudkan ?
- 30% gaji pokok pegawai
  - 25% gaji pokok pegawai
  - 15% gaji pokok pegawai
  - 10% gaji pokok pegawai
22. Cuti Tidak Bergaji yang kurang daripada 30 hari bagi mengikuti kursus atas perbelanjaan sendiri adalah atas kebenaran :
- Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
  - Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
  - Ketua Jabatan
  - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

23. Jika seorang pegawai/kakitangan mengambil cuti tahunan melebihi 30 hari, elaun berikut tidak patut diterimanya:
- Elaun Sara Hidup
  - Elaun Perjalanan Tetap
  - Elaun Kurnia Khas
  - Elaun Pelajaran
24. Bagi kemudahan perumahan dibawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Awam, berapakah bayaran penghuni sebulan bagi pegawai dalam Bahagian 1 ?
- \$200
  - \$180
  - \$150
  - \$130
25. Warga Perkhidmatan Awam yang keluar negeri tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan adalah menyalahi peraturan. Apakah tindakan yang boleh diambil keatasnya?
- Diberikan amaran bertulis dan diturunkan pangkat
  - Diturunkan pangkat dan gaji dan dipindah jabatan
  - Dibuang kerja dengan tidak perlu diadakan perbincaraan tatatertib
  - Digantung dariapda menjalankan tugas serta merta dan gaji dan segala elaun ditahan 50%
26. Semua pegawai dan kakitangan kerajaan sebaik sahaja memulakan perkhidmatan dikehendaki mematuhi Akta Rahsia Rasmi Bab 5 (Penggag 153). Jika peraturan ini gagal dipatuhi pegawai dan kakitangan itu boleh dijatuhkan hukuman ?
- Penjara tidak lebih dari dua (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$10,000
  - Penjara tidak kurang dari dua (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$20,000
  - Penjara tidak lebih dari dua (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$20,000
  - Penjara tidak kurang dari dua (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$10,000
27. Berapakah tempoh ikat janji (bond) dengan Kerajaan bagi pegawai/kakitangan yang mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) selama enam (6) tahun sehingga kurang daripada tujuh (7) tahun?
- 9 tahun
  - 11 tahun
  - 15 tahun
  - 17 tahun
28. Perkhidmatan kaunter di kementerian/jabatan adalah barisan hadapan (frontline) perhubungan antara orang ramai dengan pihak kerajaan. Berikut adalah beberapa kategori kaunter kecuali :
- Kaunter Utama
  - Kaunter Berkala
  - Kaunter Umum
  - Kaunter Sementara

29. Jika seorang pegawai/kakitangan dibenarkan untuk mengambil Cuti Khas menemani suami/isteri bertugas diluar negeri pegawai/kakitangan tersebut akan :
- terus menerima 100% gaji dan elaun-elaun
  - dihentikan gaji serta elaun-elaun
  - terus menerima 3/5 gaji dan elaun-elaun
  - terus menerima gaji sahaja
30. Berapakah umur minima bagi pegawai lelaki dan perempuan dalam perkhidmatan berpencen dibolehkan bersara awal ?
- 50 dan 45 tahun
  - 45 dan 50 tahun
  - 55 tahun
  - 55 dan 50 tahun

**BAHAGIAN B:**

**Bahagian ini mengandungi sepuluh (10) soalan. Calon adalah dikehendaki untuk menjawab tujuh (7) soalan sahaja daripada sepuluh (10) soalan. Setiap soalan mempunyai 5 markah.**

Sila terangkan perkara-perkara dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam seperti berikut :

1. Cuti Kahwin Bagi Guru dan Tenaga Pengajar.
2. Keadaan Yang Membolehkan Wang Simpanan yang dikumpul dalam Skim TAP untuk dikeluarkan.
3. Kadar Baksis Kontrak Asing dan Kontrak Tempatan.
4. Kadar Elaun Memangku perenggan 4.1 daripada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 4/2008.
5. Tatacara Mengistiharkan hadiah.
6. Pakaian Bekerja Rasmi.
7. Peraturan dan Syarat Perlanjutan Mata Gaji EB Khas.
8. Sila nyatakan Syarat Am Cuti Sakit Disahkan Sendiri.
9. Tugas dan Tanggungjawab Bahagian Perkhidmatan Kaunseling dan ditempatkan dibawah Jabatan mana.
10. Nyatakan 5 sahaja Objektif Audit Dalaman.



### BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi tiga (3) soalan. Calon adalah dikehendaki menjawab dua (2) soalan sahaja daripada tiga (3) soalan. Setiap soalan mempunyai 17 ½ markah.

#### SOALAN 1

##### SISTEM PENGURUSAN PRESTASI BARU (Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 4/2017)

1. Nyatakan 2 pembaharuan yang diperkenalkan dalam Sistem Pengurusan Prestasi Baru Perkhidmatan Awam.  
(3 markah)
2. Nyatakan Gred, Markah dan Tahap Penilaian bagi Borang Penilaian Prestasi Baru.  
(2 ½ markah)
3. Senaraikan objektif-objektif Sistem Pengurusan Prestasi Baru.  
(7 markah)
4. Nyatakan cadangan peratus kaedah Bell Curve yang digunakan dalam Sistem Pengurusan Prestasi Baru.  
(2 markah)
5. Apakah yang dimaksud dengan Moderation/Calibration?  
(3 Markah)

## SOALAN 2

### Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut (LDPSL).

Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 6/2017 adalah berkenaan pindaan terhadap Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 10/2006 berkenaan dengan syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang mengawal Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut (LDPSL).

1. Huraikan tafsiran Program Latihan Jangka Panjang.  

**(3 ½ markah)**
  
2. Ke jabatan manakah semua sokongan untuk menghadiri Program Latihan Jangka Panjang dihadapkan.  

**(1 markah)**
  
3. Sila nyatakan nama jawatankuasa berserta nama jabatan yang berkuasa mempertimbangkan dan membenarkan Program LDPSL.  

**(2 markah)**
  
4. Nyatakan keahlian dan urus setia jawatankuasa tersebut.  

**(5 markah)**
  
5. Antara syarat dan peraturan LDPSL berkaitan Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh sahaja bagi kursus-kursus formal di peringkat Ijazah Pertama/Sarjana Muda, Ijazah Sarjana, Ijazah Kedoktoran Falsafah, kepakaran, iktisas atau professional, melebihi 30 hari serta pegawai/kakitangan hendaklah terdiri dariapda rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Perkhidmatan Tetap dan telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari dua (2) tahun perkhidmatan. Sila Nyatakan Syarat-Syarat Lain bagi sokongan LDPSL.  

**(6 markah)**

**SOALAN 3**

**Kumpulan Kerja Cemerlang.**

1. Terangkan apa yang dimaksudkan dengan Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC). Keterangan hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:
  - a. Definisi KKC. **(4 ½ markah)**
  - b. Faedah-faedah KKC. **(7 markah)**
  - c. Teknik-teknik yang digunakan dalam KKC. **(5 ½ markah)**